



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN

KENYATAAN MEDIA

1. UMNO ketika ini memberi keutamaan kepada Sidang Dewan Rakyat yang akan bermula pada 13 Julai 2020.
2. UMNO sedar terdapat usaha giat dilakukan untuk menggugat kedudukan YAB Perdana Menteri oleh pihak-pihak yang mahu merebut jawatan berkenaan.
3. Arahan telah dikeluarkan kepada Ahli-ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional untuk mempertahankan Kerajaan Perikatan Nasional yang diterajui oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, daripada terus diganggu-gugat oleh pihak pembangkang.
4. Fokus UMNO ketika ini adalah untuk memastikan isu-isu berkaitan kebajikan dan kepentingan rakyat yang semakin tertekan dalam menghadapi bebanan hidup pasca Covid-19.
5. Semua Menteri dan Timbalan Menteri Barisan Nasional telah diminta mengambil tindakan menerusi kementerian masing-masing dalam usaha memulihkan ekonomi dan menjana peluang pekerjaan terutamanya golongan yang terkesan oleh Covid-19.
6. Justeru, UMNO tidak seharusnya terheret sama dalam polemik perbahasan mengenai calon Perdana Menteri, malah tumpuan harus diberikan kepada usaha untuk menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi

6 Julai 2020

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO

Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tel: 03-40429511 Fax: 03-40412358

Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web : www.umno-online.com | e-Mel: info@umno.org.my